

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan inisiatif terkini Kementerian membantu usahawan muda yang gulung tikar kesan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensi-agensinya di bawahnya sentiasa komited dalam membantu usahawan yang gulung tikar akibat penularan pandemik COVID-19 terutamanya usahawan muda.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2020 hingga September 2021, antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) **TEKUN Nasional** menyediakan pembiayaan sedia ada dengan nilai pembiayaan sehingga RM100 ribu kepada usahawan yang terkesan termasuklah usahawan muda bagi membayar sewa premis, bil utiliti dan kos operasi untuk mengelakkan risiko gulung tikar. Seramai 51,863 usahawan muda (18 - 40 tahun) telah diluluskan pembiayaan yang berjumlah RM680.3 juta.
- (ii) Perbadanan Nasional Berhad (**Pernas**) telah melancarkan Projek Jadi Usahawan Berjaya [(*Be Your Own Boss (BYOB)*)], di mana salah satu programnya iaitu Program Pembiayaan Keusahawanan Francais Belia [(*Young Entrepreneurship Engagement Talent (YOUNITY)*)].
- (iii) Program ini mensasarkan untuk melahirkan 1,000 francaisi merangkumi golongan graduan, belia, wanita dan asnaf. Sehingga September 2021, seramai 590 peserta telah mendaftar dalam projek BYOB ini dan sebanyak 18 permohonan pembiayaan berjumlah RM5.98 juta telah diluluskan oleh pihak PERNAS.

NO. SOALAN : 19

3. Bagi membantu usahawan muda bangkit semula selepas gulung tikar, MEDAC menyediakan program konsultasi dan khidmat bantuan melalui Institut Keusahawanan Negara (**INSKEN**). Sehingga Oktober 2021, INSKEN telah melaksanakan program berikut:

- (i) program **INSKEN e-BizClinic** yang menjalankan konsultasi dan khidmat bantuan secara satu sama satu (*one-to-one*) secara percuma kepada usahawan terlibat. Seramai **723 orang** telah mendaftar dalam program ini dengan penglibatan seramai **463 (64%)** usahawan muda untuk terus kekal bertahan dalam perniagaan.
- (ii) INSKEN turut melaksanakan program latihan khusus berbentuk teknikal untuk membimbing, membangun dan memperkuat operasi harian merangkumi aspek pengurusan perniagaan, kewangan, operasi, jualan dan pemasaran. Seramai **19,688 peserta** telah mendaftar dengan penglibatan **12,797 (65%)** usahawan muda. Program tersebut ialah:
 - Kursus Asas Keusahawanan (KAK);
 - Kursus Asas Industri INSKEN (INBT);
 - INSKEN Business Training (IBT); dan
 - INSKEN Masterclass.

4. MEDAC juga telah mengambil ketetapan supaya proses permohonan pembiayaan bagi dana Kerajaan di bawah agensi MEDAC tidak akan mengambil kira penilaian CTOS dan CCRIS dalam tempoh pandemik ini.

Sekian, terima kasih.